

NAMA:..... Tingkatan :.....

1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
OGOS
2011
2 jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SBP
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 11.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 wajib dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan Bahagian A dan ikat bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B*

Kertas Soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Bahagian A

(40 markah)

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan A, B, C dan D. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Orang yang sabit membuat tuduhan palsu terhadap seseorang yang baik melakukan zina akan dikenakan hukuman.....
 - A 40 kali sebatan
 - B 60 kali sebatan
 - C 80 kali sebatan
 - D 100 kali sebatan

- 2 Yang manakah antara berikut merupakan sifat-sifat nifak
 - I Tidak bermotivasi
 - II Selalu berbohong
 - III Selalu mengelak
 - IV Tidak amanah
 - A I dan II
 - B II dan IV
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 3 Orang yang akil baligh yang melanggar hukum Allah SWT digelar
 - A A'si
 - B Sihir
 - C Murtad
 - D Munafik

- 4 Manakah di antara berikut adalah martabat iman seseorang muslim.
- A Bertambah sahaja
 - B Berkurang sahaja
 - C Boleh bertambah dan berkurang
 - D Tidak bertambah dan tidak berkurang
- 5 Berikut ialah ciri-ciri ajaran Taslim
- I Beriktikad Nabi Isa mati disalib
 - II Beriktikad alam ini bersifat qadim
 - III Beriktikad semua agama adalah sama
 - IV Menghapuskan perzinaan melalui konsep nikah batin
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 6 Hukum berjihad bagi rakyat yang baligh, berakal, berkeupayaan berjihad dan pemimpin telah mengisytiharkan perang jika kesucian Islam dicabuli adalah
- A Sunat
 - B Wajib
 - C Haram
 - D Makruh
- 7 Berikut adalah unsur-unsur yang perlu dielakkan dalam perniagaan insurans *kecuali*
- A hutang
 - B gharar
 - C riba
 - D judi
- 8 Bilakah berakhirnya waktu melakukan ibadat korban
- A Terbenam matahari 10 Zulhijjah
 - B Terbenam matahari 11 Zulhijjah
 - C Terbenam matahari 12 Zulhijjah
 - D Terbenam matahari 13 Zulhijjah

- Menukarkan barang dengan barang
- Mengikut cara-cara tertentu

9. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Jual beli
- B. Sewa
- C. Syarikat
- D. Gadaian

10. Antara berikut, manakah golongan yang haram sementara untuk dikahwini


- I. Anak tiri
- II. Isteri orang
- III. Menantu perempuan
- IV. Perempuan masih dalam edah

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

11. Tanggungjawab isteri adalah seperti berikut **kecuali**

- A. Mentaati suami melainkan perkara yang bertentangan dengan agama
- B. Menjaga harta suami
- C. Memelihara kehormatan diri
- D. Mengasuh dan mendidik anak

Soalan 12 berdasarkan gambarajah di bawah.



12. Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A Nusyuz
- B Fasakh
- C Zihar
- D Talak

13. Isteri dalam edah dilarang melakukan perkara-perkara berikut **kecuali**

- A Berhias diri
- B Berkahwin dengan lelaki lain
- C Menerima pinangan secara terang
- D Keluar rumah yang dibenarkan syarak

14. Pilih pernyataan yang benar tentang implikasi lian terhadap suami dan isteri

- A Suami dan isteri berdosa besar
- B Haram berkahwin semula buat selama-lamanya
- C Berkahwin semula dengan akad dan mahar baru
- D Isteri berhak menuntut nafkah anak yang dinafikan nasabnya

15. Kitab *al-Musnad* ditulis oleh

- A Imam Malik rahimahullah
- B Imam al Ghazali rahimahullah
- C Imam Bukhari radiallahuanhu
- D Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah

- 16 Negara Islam selepas Khulafak ar- Rasyidin diperintah oleh khalifah secara
- A. warisan
 - B. undian
 - C. wasiat
 - D. syura
- 17 Berikut adalah tugas **utama** tentera di zaman kerajaan Abbasiyah **kecuali**
- A. menentang musuh negara
 - B. menghadapi sebarang keadaan darurat
 - C. membantu pihak berkuasa awam dalam bantuan malapetaka
 - D. Mempertahankan sempadan negara daripada pencerobohan luar
- 18 Syeikh Muhammad Abduh telah menerbitkan majalah al- Urwatul al- Wusqo bersama gurunya
- A. Ibnu Sina
 - B. Syeikh Tahir Jalaluddin
 - C. As Sayyid Jamaluddin Al Afghani
 - D. Ibnu Khaldun
- 19 Antara faktor yang mendorong kepada kejatuhan kerajaan Bani Abbasiyah ialah
- I. Serangan dari luar
 - II. Perpecahan wilayah
 - III. Kedudukan Kota Baghdad
 - IV. Perselisihan aliran fahaman keagamaan
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II III dan IV

SULIT

20 Hukum mandi menjadi sunat **kecuali**


- A Berhadass besar
- B Mandi hari raya
- C Mandi hari jumaat
- D Selepas memeluk Islam

Soalan 21 hingga Soalan 40.


Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

- 21 Ciri-ciri kesesatan ajaran Qadiani ialah mengisytiharkansebagai tanah suci dan tempat menunaikan haji.
- 22 Golongan Syiah beriktikad bahawa jawatan imam adalah jawatan yang dianugerahkan oleh Allah SWT seperti kenabian.
- 23 Orang yang tidak ada pegangan agama dikenali sebagai

Soalan 24 dan 25 berdasarkan carta di bawah.




- 24 **P** ialah
- 25 **Q** ialah
- 26melemparkan tuduhan kepada seseorang tanpa bukti.
- 27 Ajaran Qadiani beriktikad bahawa Allah menurunkan kitab kepada Mirza Ghulam Ahmad sebuah kitab suci yang bernama
- 28 Ajaran Taslim mengharuskan perzinaan melalui konsep



29 R diatas merujuk kepada

30 “ Aku ceraikan engkau dengan bayaran RM 5000”

Ungkapan di atas merujuk kepada



31 S di atas mewakili

32 Bidang mahkamah syariah terdiri daripada mal dan

33 ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

34 Hukum mengambil anak angkat adalah

35 Rukun yang menjadi kemuncak di dalam ibadat haji ialah

36 Sumber utama kerajaan Abbasiah ialah , pertanian dan perindustrian.

37 Ibnu Sina merupakan tokoh dalam bidang

38 Kemampuan akal adalah terbatas kerana tidak dapat mencakupi melainkan apa yang diberitahu oleh wahyu

39 ialah mereka yang memeluk Islam dan sempat berjumpa dengan Nabi Muhammad SAW ketika hayatnya.

40 Pencemaran bermaksud perbuatan yang berlaku kepada sesuatu kawasan sehingga terjadi pertukaran warna, kesuburan dan hakisan.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja daripada bahagian ini.

Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih **satu** sahaja daripada **Soalan 3 atau Soalan 4**.

- 1 (a) Perbuatan sihir amat ditegah kerana boleh menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat.
- i. Nyatakan **dua** contoh perbuatan sihir. [2 markah]
 - ii. Terangkan **dua** cara mengawal diri daripada perbuatan sihir. [4 markah]
- (b) Dosa ialah balasan buruk kerana melakukan larangan Allah SWT dan meninggalkan perintah atau suruhanNya
- i. Nyatakan **jenis-jenis** dosa beserta **contohnya**. [4 markah]
 - ii. Terangkan faktor yang mendorong manusia melakukan dosa. [2 markah]
- (c) Ajaran sesat boleh membatalkan iman.
- i. Apakah **maksud** ajaran sesat. [2 markah]
 - ii. Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat. [4 markah]
 - iii. Terangkan **kesan** buruk mengamalkan ajaran sesat terhadap masyarakat. [2 markah]
- 2 (a) Gadaian ialah sesuatu barangan bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.
- i. Senaraikan **dua** rukun gadaian. [2 markah]
 - ii. Nyatakan **dua** perkara yang boleh membatalkan gadaian. [2 markah]

- (b) Isteri yang ingin menuntut fasakh perlu merujuk kepada Mahkamah Syariah.
- i. Nyatakan **maksud** fasakh. [2 markah]
 - ii. Jelaskan **dua** sebab yang membolehkan fasakh . [4 markah]
 - iii. Jelaskan **dua** hikmah diharuskan fasakh di dalam Islam [4 markah]
- (c) Ibubapa yang berkemahiran dapat membentuk anak-anak menjadi anak yang soleh dan solehah .
- i. Nyatakan **hukum** melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak . [2 markah]
 - ii. Jelaskan **dua** cara ibubapa melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak [4 markah]
3. (a) Menziarahi jenazah sangat dituntut oleh Islam
- i. Jelaskan **dua** cara beradab ketika menziarahi jenazah. [4 markah]
 - ii. Terangkan **dua** faedah kepada seseorang yang membiasakan diri menziarahi orang sakit. [4 markah]
- (b) Al- Sayyid Jamaluddin al -Afghani telah memperkenalkan idea Islah
- i. Apakah **maksud** Islah? [2 markah]
 - ii. Jelaskan **dua** bentuk Islah yang dibawa oleh Al-Sayyid Jamaluddin Al-Afghani. [4 markah]
- (c) Hasil galakan para khalifah, bidang sains dan teknologi telah mencapai kecemerlangannya pada zaman kerajaan Bani Abbasiah
- i. Jelaskan **dua** bukti kecintaan para khalifah terhadap ilmu. [4 markah]
 - ii. Jelaskan kepentingan umat Islam menguasai ilmu sains dan teknologi. [2 markah]
- 4 (a) Perniagaan sangat digalakkan dalam Islam
- i. Jelaskan **dua** sebab Islam menggariskan adab-adab untuk diamalkan semasa berjual beli. [4 markah]

- ii. Terangkan **dua** adab-adab berjual beli yang perlu dipatuhi agar mendapat keberkatan dalam perniagaan.
[4 markah]
- (b) Imam al Ghazali seorang tokoh pemikir Islam yang teragung.
- i. Senaraikan **dua** bidang ilmu yang dikuasai oleh Imam al Ghazali
[2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** sumbangan beliau kepada tamadun ilmu.
[4 markah]
- (c) Khulafak al Rasyidin telah memimpin negara dengan penuh tanggungjawab, tegas dan berani
- i. Jelaskan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafak al-Rasyidin
[4 markah]
- ii. Nyatakan **dua** bukti sifat tawaduk Khulafak al-Rasyidin.
[2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ TINGKATAN : _____

NO. KAD PENGENALAN

						-								
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

- | | | | | | | |
|----|-----|-----|-----|-----|----|-------|
| 1 | (A) | (B) | (C) | (D) | 21 | _____ |
| 2 | (A) | (B) | (C) | (D) | 22 | _____ |
| 3 | (A) | (B) | (C) | (D) | 23 | _____ |
| 4 | (A) | (B) | (C) | (D) | 24 | _____ |
| 5 | (A) | (B) | (C) | (D) | 25 | _____ |
| 6 | (A) | (B) | (C) | (D) | 26 | _____ |
| 7 | (A) | (B) | (C) | (D) | 27 | _____ |
| 8 | (A) | (B) | (C) | (D) | 28 | _____ |
| 9 | (A) | (B) | (C) | (D) | 29 | _____ |
| 10 | (A) | (B) | (C) | (D) | 30 | _____ |
| 11 | (A) | (B) | (C) | (D) | 31 | _____ |
| 12 | (A) | (B) | (C) | (D) | 32 | _____ |
| 13 | (A) | (B) | (C) | (D) | 33 | _____ |
| 14 | (A) | (B) | (C) | (D) | 34 | _____ |
| 15 | (A) | (B) | (C) | (D) | 35 | _____ |
| 16 | (A) | (B) | (C) | (D) | 36 | _____ |
| 17 | (A) | (B) | (C) | (D) | 37 | _____ |
| 18 | (A) | (B) | (C) | (D) | 38 | _____ |
| 19 | (A) | (B) | (C) | (D) | 39 | _____ |
| 20 | (A) | (B) | (C) | (D) | 40 | _____ |

Bahagian	Markah
A	
B	

Kod Pemeriksa